

25/06/2002

Malam kesenian Selangor meriah

Saring Sirad

MALAM Kesenian dan Kebudayaan Selangor 2002 anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Selangor (JKKS) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan Kelab Teater Klang di Dataran Seni Klang baru-baru ini berjaya menambat hati khalayak di Bandar Diraja itu.

Program berkenaan adalah di antara beberapa program JKKS untuk mengembangkan seni dan budaya khususnya di Selangor dengan menampilkan pelbagai persembahan termasuk cempuling, pentomen, nyanyian, baca puisi dan lagu puisi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, Datin Paduka Norkhaila Jamaludin, berkata dengan adanya program itu dapat dijadikan landasan bagi memupuk kesenian kepada generasi muda masa kini.

Usaha seperti itu, katanya, adalah kesinambungan bagi meningkatkan persembahan setiap kumpulan yang mengambil bahagian di samping memupuk kesedaran terhadap tanggungjawab memelihara warisan budaya rantau ini.

Pembabitan seniman veteran dan muda pada setiap program adalah pertanda positif agar segala pengalaman dan ilmu dapat dimanfaatkan demi meningkatkan mutu persembahan kesenian di Selangor.

Katanya, usaha mengadakan kegiatan seperti itu tidak seharusnya terpinggir dalam negara sedang menuju ke arah kemajuan kerana kemajuan fizikal tanpa adanya kemajuan mental dan kerohanian bakal melahirkan masyarakat rapuh serta goyah dan tidak mempunyai jati diri.

Melalui JKKS Selangor menitikberatkan pemuliharaan serta perkembangan kesenian agar kehidupan rakyat seimbang di antara kebendaan dan kerohanian dan ia perlu diteruskan bagi memastikan pengisian kegiatan kebudayaan dan kesenian mampu mencapai objektifnya menerapkan nilai murni dan terpuji bagi membina masyarakat berilmu dan beramal serta mampu mewujudkan sebuah negara kekal harmoni dan damai.

Sehubungan itu, Malam Kesenian Selangor 2002 diisi dengan pelbagai persembahan termasuk nyanyian oleh Johan Pertandingan Lagu Asli Remaja Selangor 2002 (lelaki) Mohd Azim Kamaruddin dengan lagu Ayah dan Ibu serta juara bahagian wanitanya Zehra Zamri dengan lagu Janji yang pernah dipopularkan oleh biduanita S Roha mendapat sambutan menggalakkan daripada penonton.

Tidak kurang menariknya ialah persembahan cempuling oleh Kumpulan Cempuling Era Baru Bukit Kapar yang berjaya membawakan lagu moden dengan irama cempuling dan ditambah dengan nyanyian artis undangan Anis Suraya dengan dua lagu Angin dan Akhirnya.

Turut dipersembahkan malam itu ialah pentomen oleh Kelab Teater Klang dengan Batu Belah Batu Bertangkup karya dan arahan Shaari Bakar yang tidak kurang memikat penonton.

Menerusi jalan cerita sejarah itu memang dapat dirasakan keharuan serta kepiluannya kisah seorang ibu yang kempunan telur ikan tembakul gara-gara anak lelakinya Pekan yang menghabiskan hidangan telur tembakul itu.

Bagaimanapun keindahan cerita sejarah itu tercalar apabila lagu latarnya menggunakan instrumetal Kitaro membuat penonton kaget, sama ada Batu Belah Batu Bertangkup cerita sejarah sebenarnya atau sekadar 'memperbodoh' penonton.

Sama ada disedari atau tidak oleh pengarahnya, cerita sejarah perlu dipersembahkan mengikut 'penyelidikan' sejarah termasuk pakaian dan peralatannya.

Agak janggal juga jika sejarah yang berlalu ratusan tahun itu

dihidangkan dengan dulang zing dan pinggan plastik. Di segi itu, penonton yang tidak arif pentomen, drama atau teater juga terasa dipermainkan.

Tiga penyajak tempatan tidak kurang memberi semangat malam itu dengan menyampaikan puisi masing-masing. Juara baca puisi MTS Khairi Ahmad dengan karya A Ghafar Ibrahim (Agi) Gelintar Jiwa Anak Kampung diikuti oleh Timbalan Yang Dipertua Persatuan Kebajikan dan Penulis Selangor (Kemudi), Abu Hassan Ashaari dengan puisinya Rak..Rak..Rum dan Kahiril Amir dengan sajaknya Ini Tugas Warga Dunia yang dicipta khas untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kegiatan malam itu diakhiri dengan lagu puisi oleh Kumpulan Dochee dianggotai oleh dua penyanyi lagu puisi berbakat Mahathir Jailani dan Nasir Harun dengan lagu Berita Kepada Kawan.

Melihat kepada persembahan Dochee tentunya tidak segagah Kumpulan Koprata atau penyanyi lagu puisi Zubir Ali dan Zualfikar, tetapi tidak mustahil jika Dochee bakal menyaingi mereka jikapun tidak menandinginya kalau terus berusaha dan menggilap bakatnya.

Bagaimanapun, kemunculan Dochee membuktikan Selangor khasnya Bandar Diraja Klang mempunyai kumpulan penyanyi puisi berbakat.

Hakikatnya, usaha JKKS menengahkan pelbagai kesenian dan kebudayaan di samping mencungkil bakat baru dalam bidang tertentu bertujuan bagi mengembangkan seni dan budaya khasnya di Selangor diberikan kredit. Sikap keperihatinan JKKS terhadap nasib seni dan budaya di Selangor sekali gus memberi perangsang kepada penggiat masa depan wajar diterima baik oleh semua pihak tanpa prasangka.

(END)